

# PM: Pupuk perpaduan sejak kanak-kanak

BN 17 APR 1986

KUALA LUMPUR, Rabu

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan perpaduan kaum perlu dipupuk sejak di peringkat kanak-kanak lagi, terutama di kalangan murid sekolah.

Perdana Menteri berkata walaupun ramai yang mengetahui cara untuk mengatasi masalah perpaduan di negara ini, malangnya mereka tidak mahu menyelesaikannya sendiri.

Berucap di majlis meraikan anak-anak angkat Rancangan Tunas Harapan anjuran Yayasan Gerakbakti Pemuda di kediaman rasminya Seri Perdana di sini, beliau berkata sebagai negara berbilang kaum, semangat perpaduan mestilah wujud di kalangan masyarakat.

"Malaysia dianggap negara kaya tetapi kekayaan itu tidak bermakna

jika rakyat tidak dapat menikmatinya. Negara juga kaya dengan penduduknya berbilang kaum yang mempunyai aspek positif dan negatifnya sendiri."

Perdana Menteri bagaimanapun meminta rakyat mencontohi aspek-aspek positif kaum lain dan meninggalkan aspek-aspek yang negatif.

## Berharap

Beliau kagum dengan usaha yang dilaksanakan oleh Yayasan Gerakbakti Pemuda yang menurutnya bukan sahaja menolong anak-anak miskin tetapi juga membantu mengeratkan hubungan antara kaum di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bagaimanapun perpaduan sukar dicapai jika tidak ada

usaha di kalangan murid-murid itu sendiri untuk berbuat demikian.

Perdana Menteri berharap murid-murid dari Sabah dan Sarawak dapat menyertai rancangan itu pada masa hadapan.

Seramai 90 murid darjah lima dan enam daripada pelbagai keturunan di Semenanjung menyertai rancangan itu.

Beliau berharap dengan adanya rancangan itu semangat persaudaraan di kalangan pelajar dapat dipupuk di peringkat lebih awal.

Di majlis itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah menyampaikan bantuan kasut, buku, pakaian sekolah dan beg sekolah kepada anak-anak angkat itu.

Sempena upacara itu juga, Perdana Menteri

menyampaikan hadiah kepada pemenang perpaduan mengarang esei bertajuk "Peranan Pelajar Dalam Perpaduan Nasional" anjuran Berita Harian Sdn Bhd dan Yayasan Gerakbakti Pemuda.